



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

...

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PPP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 18 Jun 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Johan
Mahmood

Pelaksanaan SST kurangkan kesan kepada rakyat berbanding GST

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan mengurangkan kesan kepada rakyat biasa berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dianggap terlalu mendadak.

Ketua Setiausaha Perbadanan, Datuk Johan Mahmood berkata disebabkan itu pemilihan SST sangat bertepatan dengan pendekatan yang diambil lebih bersasar.

"Jumlah kutipan SST dianggarkan dua peratus daripada Kewangan Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pada tahun lalu kita

mencatatkan kutipan SST kira-kira RM45 bilion.

"Bagaimanapun ketika GST dilaksanakan sebelum ini, jumlah kutipannya melebihi tiga peratus daripada KDNK atau lebih RM60 bilion.

"Misalnya kita laksanakan GST, secara tahunan kita mungkin mampu mengutip lebih RM20 bilion, tetapi apa yang kerajaan lakukan melalui peluanan SST ini sebenarnya kurang daripada separuh jumlah berkenaan iaitu sasaran kita mengutip sekitar RM10 bilion secara tahunan.

"Ini kerana kerajaan cuba mengambil pendekatan yang lebih

beransur-ansur, sekali gus dapat mencari kesimbangan antara keperluan untuk meningkatkan hasil negara dan pada masa yang sama boleh mengurangkan kesan kepada rakyat," katanya dalam podcast BFM89.9, semalam.

Terdahulu, Kementerian Kewangan memaklumkan peluanan skop SST akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai ini membatikau beberapa perkhidmatan profesional termasuk penyeawaan ruang komersial.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan sebelum ini, peluanan SST adalah sebahagian daripada langkah penstruktur-

ran semula fiskal negara dan menyasarkan sektor yang sebelum ini tidak dikenakan cukai, bagi memastikan keadilan sistem percukaian.

Mengulas lanjut, Johan berkata kerajaan melihat bahawa sistem percukaian yang dilaksanakan di negara ini perlu ditanggung oleh mereka yang lebih mampu.

"Disebabkan itu, secara reka bentuk, pelaksanaan SST membolehkan sebahagian beban cukai ditanggung di peringkat perniagaan dan bukannya dipindahkan sepenuhnya kepada pengguna. Itulah sebahagian daripada falsafahnya," katanya.

Ditanya sama ada rakyat perlu bersedia dengan peningkatan kos sara hidup sekali gus meningkatkan inflasi, Johan berkata kerajaan sudah mengambil kira hal itu dengan teliti.

"Kita sudah meneliti bakul pengguna atau indeks harga pengguna (CPI) bagi memastikan barang tertentu dikenal pasti untuk kekal berada pada kadar sifar peratus.

"Atas sebab inilah, sesetengah penganalisis luar menganggarkan kesan terhadap inflasi sekitar 0.25 peratus, namun kita percaya bahawa kesan sebenarnya mungkin lebih rendah daripada itu," katanya.



MANA LEBIH MESRA RAKYAT

■ Pakar ekonomi berpendapat Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebenarnya lebih sesuai dengan landskap ekonomi tempatan, namun perlu ditambah baik terutama dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan agar lebih konsisten.

■ Terdapat juga pakar ekonomi yang berpandangan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang pernah diperkenalkan di negara ini adalah lebih cekap dan adil tetapi dalam konteks Malaysia ketika ini, negara mungkin belum bersedia melaksanakan semula GST.

■ Sementara itu, tauke pasar raya Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berpendapat, impak daripada peluasan SST yang bakal dilaksanakan 1 Julai ini perlu diurus secara berhemah oleh kerajaan memandangkan masih terdapat kekeliruan dari segi pelaksanaan barang dan perkhidmatan yang dikenakan SST.

MUKA 2, 3 & 4

SST bagus tetapi perlu penambahbaikan

Pakar ekonomi sifatkan sebagai cukai mesra rakyat berbanding GST yang lebih menyeluruh

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
SHAH ALAM

Pakar ekonomi berpandangan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) masih layak dianggap sebagai sistem terbaik untuk perlaksanaan cukai bersasar di negara ini, mengambil kira kesesuaian landskap ekonomi tempatan.

Timbalan Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Dr Mohd Fairuz A Razak bagaimanapun berkata, kerajaan masih perlu melakukan beberapa penambahbaikan supaya ia lebih efektif berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang pernah diperkenalkan di negara ini.

Beliau berkata, penambahbaikan tersebut antaranya mengecualikan cukai khususnya terhadap semua barang makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan secara menyeluruh agar item-item berkaitan benar-benar memenuhi keperluan bersasar.

"SST sememangnya lebih mesra rakyat pada masa ini kerana kadar cukainya tidak dikenakan secara menyeluruh berbanding GST."

"Bagaimanapun, barang keperluan asas termasuklah produk makanan diimport tidak wajar dikenakan cukai memandangkan ia merupakan elemen penting dalam kehidupan rakyat, walaupun mungkin terdapat sebahagian daripadanya dianggap barangan mewah dan dinikmati golongan berkemampuan."

"Persoalan saya, bagaimana kerajaan hendak memastikan pengasingan item sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil ruminan yang bersifat mewah dapat dikuatkuasakan secara menyeluruh tanpa membebankan golongan pengedar dan peruncit?"



Pakar berpendapat, kerajaan perlu mengecualikan SST bagi barang makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan secara menyeluruh.
Gambar hiasan



MOHD FAIRUZ MOHD AFZANIZAM



"Paling penting, adakah kesemuanya bahan makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan diimport hanya dinikmati golongan berpendapatan tinggi? Bagaimana pula dengan bayang, garam, mangga dan pisang yang turut menjadi makanan harian golongan B40?" katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan semula GST pada ketika ini kerana ekonomi rakyat masih belum pulih sepenuhnya.

Anwar memaklumkan, kerajaan ketika ini memiliki untuk meneruskan sistem SST yang lebih bersasar kerana ia hanya mengenakan cukai kepada barang tertentu, khususnya barangan import mewah.

Justeru, Mohd Fairuz berkata, semua barang asas termasuklah yang diimport dari luar negara juga perlu diberi pengecualian cukai SST.

"Negara memang banyak mengimport makanan asas dari negara lain. Jadi, salah satu cara adalah kerajaan terpaksa kecualikan makanan untuk memastikan lebih bersasar.

"Jika tidak, ia akan menjadi isu besar dan memakan diri kerajaan semula sebab makanan asas merupakan satu keperluan untuk hidup, bukan suatu kehendak yang sekadar dinikmati golongan tertentu semata-mata," ujarnya.

Mohd Fairuz menegaskan, pelaksanaan SST bersasar hanya dapat dicapai sekiranya kerajaan benar-benar membuat semakan terperinci terhadap saraian barang yang akan dikenakan cukai.

Menurut beliau, buah-buahan tertentu seperti avokado yang dikatakan mewah juga kini turut dinikmati rakyat pelbagai golongan termasuklah yang berpendapatan rendah (B40).

Beliau turut menasihatkan kerajaan agar tidak terburu-buru membuat peluasan SST kerana ramai dalam kalangan rakyat dan peniaga masih terkeliru dengan jumlah sebenar item dikenakan cukai.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, pelaksanaan dasar percukaian yang kerap

Kebaikan SST

- Cukai hanya dikenakan kepada barang keluaran di peringkat pengeluar sahaja, sementara peringkat pengguna untuk perkhidmatan.
- Kos pentadbiran dalam rantaian bekalan lebih mudah dan rendah kerana tidak perlu memantau dengan terperinci.
- Mesra rakyat.

Kelemahan SST

- Kos cukai tidak telus dan boleh disembunyikan dalam harga walaupun sebenarnya telah dipindahkan oleh peniaga kepada pengguna.
- SST boleh menjadi berlapis sekiranya tidak diberitahu dalam rangkaian bekalan tersebut.

Kebaikan GST

- Lebih telus dalam resit kerana perlu dicetak, sekali gus mengelakkan ketirisan, penyelewangan dan penipuan bayar cukai.
- Diguna pakai lebih 160 negara di seluruh dunia laju mudah diadaptasi.
- Mesra peniaga.

Kelemahan GST

- Kos pentadbiran lebih tinggi kerana setiap komponen dalam rantaian nilai perlu diukur cukai.
- Perlu memastikan input cukai dihantar kepada kerajaan dengan efisien supaya tidak didenda atau lambat mendapat rebat cukai.
- Lebih banyak barang kena cukai

berubah dalam tempoh masa terdepannya akan membebankan rakyat dan peniaga.

Bagaimanapun, beliau berpandangan, SST boleh dianggap sistem cukai yang lebih sesuai diimplementasikan dalam landskap ekonomi negara sekiranya ia kekal konsisten.

"Jadi, isunya adalah lebih kepada kaedah perlaksanaan dan pengutusan dasar itu dengan lebih konsisten dalam memastikan sistem SST lebih efektif dari segi perlaksanaannya," ujar beliau.

Jelasnya, pelaksanaan SST ketika ini menunjukkan hasil positif selari dengan keperluan kerajaan untuk meningkatkan hasil negara secara bersasar.

"Itu bermakna sistem sedar ada perlu menepati sasaran ataupun objektif kerajaan untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka, melalui usaha mengecilkan deficit fiskal dan menjadikan hutang kerajaan Persekutuan itu berada dalam keadaan lebih stabil," ujarnya.

Urus kesan peluasan SST secara berhemah - Ameer

Dijangka beri kesan kepada beberapa sektor perkhidmatan, logistik dan pengangkutan

Oleh MOHD FAIZUL
HAIKA MAT KHAZI
SHAH ALAM



Peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) oleh kerajaan yang akan bermula 1 Julai ini dijangka memberi kesan kepada beberapa sektor perkhidmatan, termasuk logistik dan pengangkutan.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, langkah tersebut memerlukan penelitian agar kesan rantaian terhadap harga barang dapat diminimumkan, terutamanya barang keperluan harian seperti makanan dan barang import.

Menurut beliau, kenaikan kos pengangkutan seperti caj di Pelabuhan Klang berkemungkinan memberi impak terhadap kos logistik keseluruhan yang akhirnya boleh mempengaruhi harga runcit.

"Contohnya, caj kontena yang sebelum ini sekitar RM300 boleh meningkat kepada RM400.

"Kenaikan ini akan mempengaruhi sewa, logistik dan seerusnya harga kepada pengguna," kata dia kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambah beliau, dalam konteks sistem percukaian, SST kadangkala menimbulkan kekeliruan dari segi pelaksanaan dan pematuhan, berbanding sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang pernah diperkenalkan sebelum ini.

"Dengan GST, kita tahu dengan jelas barang apa yang dikenakan cukai. SST pula kurang jelas dan ini boleh menyebab-



AMEER ALI

kan ketidaktentuan harga," ujarnya.

Namun begitu, beliau menegaskan bahawa sebarang usaha ke arah perubahan sistem percukaian, seperti pengembalian GST perlu dilaksanakan secara berperingkat dan bersifat menyeluruh.

"Sekiranya kerajaan bercadang untuk melaksanakan semula GST, pendekatannya perlulah terancang serta disertai mekanisme bantuan yang sesuai kepada kumpulan berpendapatan rendah.

"Langkah ini penting bagi memastikan rakyat tidak terbeban secara mendadak," katanya.

Beliau turut menekankan pentingnya koordinasi antara pelbagai dasar ekonomi agar tidak berlaku tekanan berganda kepada rakyat.

"Setiap dasar perlu dinilai dari sudut impaknya secara keseluruhan supaya tidak berlaku keadaan di mana rakyat menanggung kesan akibat keputusan yang dibuat secara berasingan," katanya.

SST atau GST: Pilihan dalam tekanan inflasi



ANALISIS
NURUL NABILA AHMAD HALIMY

P erbahasan mengenai sistem percukaian paling sesuai untuk Malaysia kembali hangat apabila kebimbangan terhadap kos sara hidup kekal menjadi keutamaan rakyat.

Dalam lanskap ekonomi semasa yang dipacu oleh ketidakentuan harga barang dan tekanan inflasi, gesaan terhadap keperluan menstruktur semula sistem cukai terus mencuri perhatian pelbagai pihak.

Antara isu utama yang timbul adalah sama ada Malaysia wajar kembali kepada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) atau terus mencegalkan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sedia ada.

Pandangan berbeza bahagai timbul antara mereka menyifatkan GST sebagai sistem lebih cepak dan telus untuk meningkatkan hasil negara, manakala SST pula paling sesuai dalam situasi semasa yang menuntut kerajaan lebih sensitif terhadap kemampuan pengguna.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Perbankan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisol Ibrahim berpendapat, GST lebih wajar dilaksanakan semula berbanding SST kerana ia lebih adil dan telus, serta peniaga sukar memanipulasi harga terhadap pengguna akhir.

"GST menjadikan peniaga dan syarikat lebih patuh kepada sistem percukaian kerana setiap transaksi perlu direkodkan secara menyeluruh. Pengguna juga dapat mengetahui secara jelas sama ada barang atau perkhidmatan dikenakan cukai atau tidak."

"Selain itu, peniaga boleh menuntut semua cukai input bahan mentah di setiap peringkat rantaiannya bekalan, sesuatu yang sangat berbeza berbanding SST," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mohd Faisol turut berpendapat, GST kurang membebani rakyat khususnya golongan B40 kerana kadar enam peratus yang pernah dilaksanakan dahulu digunakan secara rata di semua peringkat rantaiannya, perniagaan, sekali gus mengelakkkan cukai berganda.

"Malaysia pernah melaksanakan GST pada tahun 2015 dengan kadar 6 peratus. Walaupun pada awalnya berlaku sedikit kekeliruan kerana kadar itu dianggap tinggi untuk permulaan, hasil kutipan GST mencecah RM27.1 bilion dan meningkat kepada RM44 bilion pada 2017."

"Dengan hasil tersebut, kerajaan mampu melaksanakan pelbagai program rakyat, sekali gus mengurangkan kadar kemiskinan. Jika diurus dengan baik, ia berpotensi meningkatkan pendapatan negara seperti dibuktikan oleh Singapura yang masih mencegalkan GST sehingga kini," katanya.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa GST hanya sesuai dilaksanakan apabila gaji minimum rakyat mencecah RM4,000



Sub Total	190.00
GST 0%	0.00
Roudina Adi	0.00
Discount (-)	0.00
Total (MYR)	190.00
IT: 190.00	190.00

Kadar sifar GST berkukuasa pada 1 Jun 2018 sebelum pemansuhan secara rasmi pada 1 September 2018 untuk digantikan dengan SST.

sebulan, Mohd Faisol berpendapat, sifatnya itu tidak semestinya relevan.

Katanya, Malaysia melaksanakan GST pada 2015 ketika gaji minimum berada di bawah RM1,000, namun sistem itu tetap berjaya diterapkan dalam ekonomi negara.

"Apa yang penting ialah pelaksanaan GST dilakukan ketika ekonomi berada dalam keadaan kukuh, pelaburan asing meningkat dan pasaran domestik stabil. Dalam keadaan itu, GST tidak akan membebani pengguna atau peniaga kerana sistemnya berdasarkan kadar perbelanjaan sebenar."

"Semakin tinggi perbelanjaan seorang, semakin tinggi GST yang dibayar, begitu juga sebaliknya. Bagaimanapun, jika GST dilaksanakan dalam suasana ekonomi yang lemah, ia pasti membebani rakyat dan perniagaan," jelasnya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis, Dr Shamsul Anaz Kassim berkata, dari segi sistem percukaian, GST lebih efisien, bagaimanapun dalam konteks Malaysia mungkin belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakannya semula.

Katanya, ini disebabkan isu-isu seperti kos sara hidup, ketidakstabilan politik dan kelemahan serta kurang kecekapan dalam sistem pentadbiran.

"Justeru, kerajaan perlu memperbaiki bantuan khas kepada golongan B40 dan berpendapat sederhana serta memberi penjelasan yang telus kepada rakyat. Ketelusan dan kepercayaan rakyat itu penting dalam menyokong agenda kerajaan," katanya.

Tambah Shamsul Anaz, sekiranya kerajaan mahu memperkenalkan semula GST dengan kadar cukai yang rendah dan barang-anas dikecualikan cukai, ia adalah terbaik di hati semua rakyat dan peniaga.



MOHD FAISOL



SHAMSUL ANAZ

ANTARA BARANGAN YANG TIDAK DIKENAKAN GST



1. Barang keperluan asas seperti gula, tepung, minyak masak, sayuran, ikan dan daging dan telur.
2. Perkhidmatan asas seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam, perumahan dan tanah pertanian.

ANTARA BARANGAN YANG DIKENAKAN GST

1. Bingkai cermin mata.
2. Motosikal 250cc.
3. Insurans kesihatan untuk individu atau yuran doktor di hospital swasta.
4. Servis penyelenggaraan.
5. Tiket wayang atau taman tema.

ANTARA BARANGAN YANG DIKENAKAN SST 5%



1. **Daging** (segar, sejuk beku, tin) - Unta, monyet, arnab, tiram, kerang.
2. **Makanan Laut** (segar, sejuk beku, tin) - Ikan, udang, cili padi.
3. **Produk Tenusu** - mentega, minyak sapi, keju.
4. Sarang burung dan madu.
5. **Sayur-sayuran** - Bawang jeruk, cendawan (dalam tin), jagung manis, sejuk beku.
6. **Buah-buahan** - Campuran buah-buahan kering, campuran kakakang kering, gambir.
7. **Minyak** - Minyak jagung masakan, bijan, zaitun.
8. **Daging diproses** - Ayam goreng, burger ayam atau daging, daging cincang.
9. **Makanan kering** - Biskut, tepung, berthi jagung, cili giling, kerepek, kopitiam, serub perasa.

ANTARA BARANGAN YANG DIKENAKAN SST 10%

1. **Gula** - Coklat putih (bar), gula-gula.
2. **Koko** - Coklat, serub koko.
3. **Minuman** - Air berkarbonat, air kotak, arak.
4. **Rokok** - semua jenis kecuali tembakau.
5. **Barangan kosmetik dan minyak Wangi** - Penyegar udara, bedak bayi, bedak talcum, pewarna rambut, ubat gigi.
6. **Sabun** - sabun mandi, sabun basuh, sabun cuci kereta, sabun cuci pinggang.

ANTARA BARANGAN YANG DIKECUALIKAN SST

1. Ayam, itik, ayam belanda, lembu, kambing, (hidup, daging segar, sejuk, sejuk beku).
2. Telur ayam, telur itik, telur masin, telur puyuh.
3. Bihun, mi kuning, dan semua jenis pasta.
4. Daun pandan, kar, sup, rempah ratus dan garam.

ANTARA CUKAI PERKHIDMATAN YANG DIKENAKAN SST 6%

1. **Penyediaan makanan dan minuman** - restoran, kafe, katering.
2. **Insurans dan takaful**.
3. **Hotel** - rumah penginapan.
4. **Kelab** - kelab malam, kelab golf.
5. **Pertaruhan dan perjudian** - kasino, loteri.
6. **Penyediaan bekalan elektrik**.
7. **Perkhidmatan telekomunikasi dan saluran TV berbayar**.

BNM gesa reformasi pasaran buruh, laksana semakan gaji

Ketidaksepadanan data ekonomi dan realiti kehidupan graduan baharu, B40 makin ketara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Bank Negara Malaysia (BNM) menggesa supaya reformasi menyeluruh pasaran buruh dan semakan semula mekanisme penetapan gaji dilaksanakan segera bagi menangani jurang yang semakin melebar antara pertumbuhan upah dan kos sara hidup, meskipun kadar inflasi kekal rendah.

Timbalan Gabenor BNM, Datuk Marzunisham Omar, berkata realiti semasa menunjukkan ramai pekerja berdepan tekanan kos hidup yang meningkat, te-

rutama apabila gaji sebenar semakin menurun walaupun produktiviti meningkat.

"Data tidak menipu. Gaji sebenar menurun meskipun produktiviti pekerja terus mencatat pertumbuhan," katanya dalam sesi panel bertajuk *Managing Inflation, Easing Costs: A Policy Perspective* sempena Simposium Sasana 2025 anjuran BNM, di Kuala Lumpur, semalam.

Marzunisham berkata, terdapat ketidaksepadanan ketara antara kadar kenaikan gaji dan peningkatan produktiviti yang menjelaskan kuasa beli pekerja, justeru kuasa pasaran semata-mata tidak lagi boleh dijadikan asas dalam penetapan gaji.

Beliau berkata, tekanan ini dijangka meningkat susulan pelatuhan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula 1 Julai, selain kemungkinan kenaikan tarif elektrik dan pelaksanaan penya-

batkan penurunan gaji sebenar sebanyak 1.9 peratus.

Rakyat masih terbeban
"BNM berjaya menurunkan inflasi utama kepada 1.4 peratus pada April 2025 berbanding kemuncaknya 4.7 peratus pada Ogos 2022. Namun, kuasa beli rakyat masih terbeban, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Beliau berkata, tekanan ini dijangka meningkat susulan pelatuhan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula 1 Julai, selain kemungkinan kenaikan tarif elektrik dan pelaksanaan penya-

batkan penurunan gaji sebenar sebanyak 1.9 peratus.

Kumpulan di Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (AMRO), Kian Heng Peh, berkata wujud jurang persepsi antara angka inflasi rasmi dengan realiti yang dialami rakyat.

"Selain bias psikologi, ketidaktepatan CPI dalam mencerminkan corak perbelanjaan sebenar isi rumah berpendapatan rendah turut menyumbang kepada masalah ini," katanya.

Felo Penyelidik Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IK-MAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammed Abdul Khalid pula berkata, ketidaksepadanan ketara antara data ekonomi dan realiti kehidupan semakin jelas dalam kalaangan graduan baharu dan kumpulan B40.

Beliau mendedahkan gaji permulaan median graduan menuju daripada RM2,112 pada 2018 kepada RM1,747 pada 2023, dengan ramai graduan kini memasuki pasaran kerja hampir pada kadar gaji minimum.

Realiti semasa menunjukkan ramai pekerja berdepan tekanan kos hidup yang meningkat, terutama apabila gaji sebenar semakin menurun walaupun produktiviti meningkat

Marzunisham
Omar,
Timbalan
Gabenor
BNM



"Gaji yang rendah memberi kesan jangka panjang terhadap pembangunan modal insan. Satu daripada lima kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah banut akibat kekurangan zat makanaan, yang menjelaskan kesihatan, pendidikan dan prospek pendapatan masa depan mereka," katanya.

HARI:

RABU

TARIKH:

18/6/2025

M/SURAT:

2

Staples favoured over discretionary as SST and subsidy cuts bite



James Wong

jameswong@theborneopost.com

KUCHING: Consumer-based companies should expect sales to normalise in the second quarter of 2025 as festive momentum fades and households continue to focus on daily essentials over discretionary spending according to analysts at Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga Research).

The house in a note on Tuesday observed that while the recent strengthening of the ringgit may offer some relief through lower import and raw material costs, operating pressures are likely to persist in the near term.

It said that costs headwinds are expected to build up in the second half of 2025, driven by the recent minimum wage hike, electricity tariff adjustments, and RON95 fuel subsidy rationalisation.

"These upcoming policy shifts are expected to weigh on both household spending

and corporate cost structures, through higher utility and transportation expenses, adding pressure to margins and demand alike," it said.

Kenanga Research also noted that the expanded sales and service tax (SST) could further erode household purchasing power.

Given these pressures, it said staples are expected to remain more resilient, underpinned by their essential nature and relatively stable demand.

In contrast, discretionary players may face a more challenging operating landscape in the absence of major festivities in the near term.

"We maintain our preference for consumer staples over discretionary within the current environment," it affirmed.

Despite the minimum wage hike providing some support for lower-income households, the house believes this benefit will be offset by broader inflationary pressures, including the expanded SST, electricity tariff hikes, and RON95 subsidy reforms — all of which continue to dampen

consumer sentiment.

Companies are therefore expected to focus on optimising their product mix and driving cost efficiencies. It noted that this is already evident in AEON's private label strategy and PADINI's move into higher-margin activewear.

It has revised its valuation basis for departmental store and apparel players to 13.5 times forward price-earnings (PER), down from 15 times.

This reflects a 10 per cent discount to the segment's average historical forward PER, taking into account weaker spending power among the M40 income group amid rising living costs.

Meanwhile, demand for staples remains stable, with brands like Fraser & Neave and Nestlé (Malaysia) Bhd continuing to perform well.

The house remains neutral on the sector. Its tops picks are Fraser & Neave for its earnings resilience backed by steady demand for food and beverage essentials, and Mr Diy for its mass-market appeal, value-for-money offerings, and scale-driven cost advantage.

Conflicts have limited impact on country for now

Middle-East clashes unlikely to jolt economy

ECONOMY

By KEITH HIEW
keith.hsk@thestar.com.my

PETALING JAYA: As tensions in the Middle East escalate to a dangerous new chapter, concerns are arising as to how developments could affect the Malaysian economy and stock market performance, albeit indirectly in all likelihood.

Latest developments show Israel and Iran have executed retaliatory attacks on each other, after the former initiated a surprise attack on the latter's nuclear facility on June 13, ostensibly as a response after decades of existential threats.

MIDF Research, in a report on Monday, highlighted the possibility that Iran will blockade the Strait of Hormuz amid its escalating conflict with Israel, having recently stated that it is considering closing the waterway as tensions with Israel intensify.

The research unit defined the strait as a critical waterway for the global oil and gas sector, often referred to as the world's most important oil artery which lies between Oman and Iran, linking the Persian Gulf with the Gulf of Oman and the Arabian Sea.

As a small and open trading nation, MIDF Research pointed out that Malaysia's economic growth can be impacted by changes on the external front including trade war and the escalation in the major global conflicts.

In its scenario analysis, if global trade were to experience a more severe contraction, the collapse of worldwide demand raises the risk of global recession which will be further dragged down by the escalation in geopolitical tensions.

It said: "If the US economy were to experience a prolonged demand slowdown, we believe this could be triggered by the reduction in consumer spending in response to the higher inflation – due to higher tariffs and rising oil prices – as well as loss of employment as firms cut their workforce as part of measures to cope with rising costs.

In particular, the research house highlighted that higher oil prices could increase

"If other economies are severely impacted by the slowdown in the world economy, the sharper decline in global demand will also hurt Malaysia's economic growth more."

MIDF Research

to above US\$120 per barrel, and this will contribute to higher inflation in the United States. This stagflation risk will complicate the US Federal Reserve's (Fed) policy reaction because sticking to curbing inflation will cause the Fed to delay from additional rate cuts.

As a result, MIDF Research said the tight monetary policy setting will hurt confidence and pose more downside risk to the United States consumption outlook.

"If other economies are severely impacted by the slowdown in the world economy, the sharper decline in global demand will also hurt Malaysia's economic growth more," it said.

It added that should the United States experience a 2% gross domestic product decline, Malaysia's economy could see a marginal economic contraction of 0.5%, where the external trade slowdown will also affect domestic economic activities.

In this scenario, MIDF Research is expecting some hits to the domestic economy, as sharper export slowdown on the back of weaker global economic growth will also result in workers, especially those in the export-oriented industries, to be laid off.

"At the same time, the commodity and manufacturing sectors, as well as selected services sectors, such as storage and transport services and businesses serving the manufacturing and trade sectors, will also face less encouraging growth prospects due to the impact on hirings and higher costs from higher prices of crude oil and other inputs," it said.

Despite looking at things from an apparently pessimistic scenario, MIDF Research emphasised that it is maintaining its base-

line view on Malaysia for now, both on the economic and market perspectives, because it believes the Israel-Iran situation is being contained with a tit-for-tat missile barrage at the moment.

"Hence, we maintain our FBM KLCI target of 1,590 with price-earnings ratio valuation of 14.6 times.

"We also reiterate our defensive stance amid our expectation of bouts of increased volatility and uncertainty."

While taking note of near-term volatility, senior economist at UOB Julia Goh is refraining from making any knee-jerk adjustments to her projections pending further developments in two variables – extent of Iran's retaliation, and the reactionary function of Saudi Arabia and other Organisation of Petroleum Exporting Countries.

"Our current Brent oil forecasts are US\$60 to US\$65 per barrel in the second half of 2025 (2H25).

"As such, the impact on Malaysia's economy from the latest escalation is still at an initial phase," she told *StarBiz*. Notably, she said while higher oil prices helps the country's oil revenue, the cost of petrol subsidy will also rise back up depending on where oil prices and the ringgit settles.

Despite that, she observed that the government has announced several fiscal reforms including the broadening of sales and service tax and RON95 subsidy rationalisation for targeted groups.

"These measures will help cushion revenue and keep fiscal targets intact albeit the effect on growth and inflation bears watching, and our official guidance is for limited impact on headline inflation."



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 JUN 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Jun	SST atau GST: Mana lebih adil untuk rakyat?	https://selangorkini.my/2025/06/sst-atau-gst-mana-lebih-adil-untuk-	SELANGOR KINI
18-Jun	Lorry owner fined for unlicensed diesel	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/17/lorry-owner-fined-for-unlicensed-	THE STAR
18-Jun	Jurang gaji, kos sara hidup semakin lebar, reformasi pasaran buruh perlu segera - BNM	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/06/1409115/jurang-gaji-kos-sara-hidup-semakin-lebar-reformasi-	BERITA HARIAN